

PERSEPSI PELATIH-PELATIH PUSAT SERENTI TERHADAP PROGRAM VOKASIONAL DI PUSAT SERENTI TAMPOI, JOHOR BAHRU

Rosni Zamuddin Shah bin Sidek & Nur Hidayu binti Mohammed
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

ABSTRAK : Kajian ini adalah untuk mengenalpasti Persepsi Pelatih-Pelatih Pusat Serenti Terhadap Program Vokasional Di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru Kajian ini telah dijalankan ke atas 80 orang pelatih di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru. Kajian ini dijalankan secara deskriptif menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Dapatan kajian kemudiannya di analisis melalui komputer dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Sosial For Window Version 14.0 (SPSS 14.0)*. yang menjurus kepada kekerapan, peratusan dan nilai min berpandukan skala likert . Nilai alpha bagi kajian ini ialah 0.87 dan berada di tahap tinggi. Keputusan kajian menunjukkan respon pelatih terhadap semua faktor yang dikaji untuk program vokasional adalah tinggi. Kajian ini juga memberi cadangan kepada pihak-pihak tertentu agar mereka boleh mengambil tindakan dengan mewujudkan program yang memberi peluang kepada pelatih untuk mengetahui selok belok dunia pekerjaan. Penyelidik mencadangkan satu kajian yang menyeluruh ke atas semua populasi pelatih dan tenaga pengajar pusat serenti yang berada di seluruh negara bagi memastikan aplikasi program vokasional ini lebih relevan di masa akan datang.

ABSTRACT : This study is conducted to discover the perception of the trainer in One Stop Center about the vocational program at *Pusat Serenti Tampoi*, Johor Bahru. This study was carried out from 80 trainees in *Pusat Serenti Tampoi*, Johor Bahru. It is conducted by using descriptive questionnaire form as instrument. The result of the study is then analyzed through computer using Statistical Package for Social for Window Version's software 14.0 (SPSS 14.0) converge to frequency, percentage and min value guided by likert scale. The alpha value of this study is 0.87 and at the high level. Results from the study illustrated that respond trainee's at the all factor that have been study was high. This study also provides suggestion to certain parties, so that they can take action by creating program which gives opportunity to trainees to know the complexity of the working environment. Researcher proposed a comprehensive study on all trainee and trainer at One Stop Center all over the country to ensure that the application of this vocational program will be more relevant in the future.

Katakunci : *Pusat Serenti Tampoi*, *Statistical Package for Social (SPSS)*, *perception of the trainer*

PENGENALAN

Abdul Ghafar (1992) menyatakan masalah dadah adalah masalah sejagat. Seluruh dunia mengalami masalah dadah ini. Dadah bukan sahaja membinasakan diri sendiri tetapi juga turut membinasakan masyarakat dunia, mengancam ekonomi serta keselamatan negara. Dadah juga turut boleh membinasakan kemajuan sesebuah negara yang telah dicipta pada masa kini. Penyalahgunaan dadah juga menjadi punca utama kepada gejala - gejala sosial yang lain seperti merompak, membunuh, perjudian dan lain-lain.

Sebenarnya, penyalahgunaan dadah telah sekian lama wujud dalam tamadun manusia, namun tarikh sebenar manusia menggunakan serta menyalahgunakan dadah masih belum dapat dikesan dengan tepat. Menurut TPP. Mohd. Reduan Aslie (1990), pada masa British masih tegak sebagai kuasa terbesar dunia, sejumlah besar pendapatannya adalah bersumberkan daripada keuntungan yang

diperolehi dari perniagaan dadah. Perniagaan dadah ini telah dijalankan oleh saudagar-saudagar besar Eropah ke seluruh dunia.

Malaysia dan sebahagian besar masyarakat antarabangsa yang lain sedang berhadapan dengan fenomena penyalahgunaan dadah yang amat serius serta membimbangkan. Fenomena ini telah dianggap sebagai krisis negara. Peperangan membasmi dadah bukan sahaja perjuangan untuk membasmi penagihan dadah, tetapi perjuangan yang terhebat ialah untuk membasmi penyeludupan dan pengedaran dadah serta pendidikan pencegahan dan pemulihan penagihan.

Sebagai kesimpulannya, wajarlah kita semua menjauhkan diri daripada apa jua bentuk penyalahgunaan dadah. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sama-sama berganding bahu dalam menangani masalah ini. Kita juga perlu berusaha untuk membantu mereka yang terperangkap dalam gejala dadah supaya meninggalkan tabiat buruk mereka itu dan kembali kepada kehidupan manusia normal.

PERNYATAAN MASALAH

Objektif program vokasional yang dijalankan di Pusat Serenti adalah untuk menimbulkan minat kepada pelatih-pelatih untuk mendapatkan latihan kemahiran dalam bidang tertentu. Selain itu, program ini mampu memberikan pendedahan dan menerapkan budaya kerja di kalangan pelatih-pelatih. Tambahan pula, program ini juga membantu pelatih-pelatih membuat persediaan sebelum menceburkan diri dalam dunia pekerjaan.

Latihan kemahiran yang disediakan di pusat serenti terdiri daripada kimpalan, pertanian, kraftangan, mekanikal, pembuatan berasaskan kayu, simen, muzik, katering, membuat roti dan kek dan lain-lain bentuk kemahiran. Latihan kemahiran ini disediakan untuk membantu pelatih-pelatih ini menghilangkan rasa ketagih, lupa dan seterusnya meninggalkan tabiat tidak sihat itu disamping membantu mereka mendapatkan peluang pekerjaan dalam bidang kemahiran yang diikuti di Pusat Serenti.

Walaupun pelbagai latihan kemahiran disediakan dan diberikan namun masih terdapat kegagalan dalam usaha untuk memulihkan pelatih terbabit di mana ada diantara pelatih kembali menagih dan dimasukkan semula ke dalam pusat serenti buat kali kedua. Dengan fenomena ini, penyelidik melaksanakan satu kajian bagi mengenalpasti Persepsi Pelatih-Pelatih Pusat Serenti Terhadap Program Vokasional Di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menenalpasti Tahap Minat Pelatih – Pelatih Pusat Serenti Terhadap Latihan Kemahiran Yang Diterapkan Di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru.
2. Menenalpasti Tahap Kesedaran Pelatih – Pelatih Pusat Serenti Terhadap Kepentingan Latihan Kemahiran Vokasional Yang Dijalani Di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru Dalam Menentukan Masa Depan Mereka.
3. Menenalpasti Tahap Keyakinan Pelatih – Pelatih Pusat Serenti Terhadap Latihan Kemahiran Vokasional Yang Dijalani Di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru Untuk Diaplikasikan Selepas Tamat Tempoh Latihan.

4. Mengenalpasti Tahap Faktor Suasana Pembelajaran Seperti Kemudahan Peralatan, Tenaga Pengajar Dan Kaedah Pengajaran Mempengaruhi Prestasi Pelatih – Pelatih Pusat Serenti Terhadap Latihan Kemahiran Vokasional Yang Dijalani Di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya dibataskan kepada pelatih - pelatih yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru. Sampel yang diperolehi juga adalah sampel yang khusus kerana ianya melibatkan pelatih-pelatih yang berada dalam pusat serenti sahaja serta terhad kepada 80 orang penagih sahaja. Penyelidik memilih kajian ini kerana tertarik untuk mengetahui keberkesanan rawatan dan pemulihan serta kemahiran yang disediakan di pusat serenti untuk para pelatih. Kajian ini adalah berpandukan kepada maklumat buku dan pencarian di internet. Item-item kajian dibuat supaya bersesuaian dengan soalan kajian di mana pemilihan bagi setiap item akan menunjukkan kaitan dengan latihan vokasional mereka sepanjang berada di dalam proses pemulihan.

Oleh kerana skop yang terhad dan tidak menyeluruh kepada semua pelatih yang mengikuti latihan vokasional di seluruh pusat serenti di Malaysia, maka hasil dapatan kajian yang didapati mungkin kurang tepat. Terdapat kemungkinan sampel tidak menjawab soalan pada borang soal selidik dengan jujur. Kajian hanya sah untuk pelatih-pelatih di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru. Kajian tidak dapat dilakukan ke atas semua pelatih-pelatih di Pusat Serenti di Malaysia kerana penyelidik menghadapi kesuntukan masa untuk melakukan penyelidikan kepada jumlah pelatih yang besar dan batasan geografi.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan satu penyelidikan yang berbentuk deskriptif (tinjauan) untuk mendapatkan maklumbalas daripada responden. Menurut kenyataan Mokhtar Mokri (1999), penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai suatu bidang yang belum atau kurang dikaji bagi menjelaskan keadaan atau fenomena yang sedang berlaku. Kaedah ini melibatkan pengumpulan data, membuat tafsiran, membuat perbandingan dan merumus generalisasi (kesimpulam secara umum).

Kenyataan ini turut disokong oleh Mohd. Majid (2004), kajian berbentuk deskriptif adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan atau menjelaskan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.

Dalam melaksanakan kajian penyelidikan, terdapat beberapa rekabentuk kajian seperti tinjauan, eksperimental, temubual dan juga pemerhatian. Penyelidik telah memilih untuk melakukan kajian ini menggunakan kaedah soal-selidik. *Oppenheim* menyatakan soal selidik selalu digunakan untuk mengukur nilai-nilai afektif selain daripada latar belakang (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999). Borang soal selidik adalah kaedah yang paling cepat untuk mendapatkan maklumat. Selain itu, borang soal selidik juga dapat memberi gambaran yang mendalam mengenai Persepsi Pelatih-Pelatih Pusat Serenti Terhadap Program Vokasional Di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru

Berdasarkan fakta-fakta di atas, dapatlah disimpulkan bahawa matlamat penyelidikan deskriptif adalah untuk mengkaji atau menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji. Untuk mendapatkan data pula, soal selidik adalah lebih praktikal serta berkesan berbanding kaedah penyelidikan yang lain (tinjauan, eksperimental, temubual dan juga pemerhatian) kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan oleh

responden. Responden bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap item yang dikemukakan.

SAMPEL KAJIAN

Penyelidik memilih kaedah persampelan (Mohamad Najib, 1999). Persampelan secara rawak mudah dilakukan ke atas populasi. Populasi yang digunakan di dalam kajian ini ialah pelatih-pelatih pusat serenti yang sedang menjalani proses pemulihan dadah di pusat serenti. Seramai 80 orang pelatih telah dijadikan sampel dalam melengkapkan borang soal selidik sebagai responden

INSTRUMEN KAJIAN

Penyelidik menggunakan satu set borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik selalu digunakan untuk mengukur motivasi dengan cara soalan bebas-jawab (terbuka), senarai semak atau skala kadar (Mohd Najib, 1999). Ia merupakan kaedah yang paling mudah untuk mendapatkan kerjasama daripada responden (*Tuckmen*, 1988). Menurut Mohd. Majid (1994), soal selidik adalah instrumen yang digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Responden diberi kebebasan memilih dan untuk menyatakan pendapat serta bebas menilai mengikut skor jawapan yang diberikan. Set soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A mengandungi item-item demografi seperti, segi umur, jantina, agama, bangsa, taraf pendidikan, kekerapan memasuki pusat serenti, negeri asal, tahun memasuki pusat serenti, taraf pekerjaan sebelum memasuki pusat serenti, tempat tinggal, fasa pemulihan, sebab memasuki pusat serenti dan dadah yang biasa digunakan.

Bahagian B mengandungi 38 item. Item ini dibahagikan kepada empat aspek berdasarkan kepada persoalan kajian iaitu minat, kesedaran, keyakinan, dan suasana pembelajaran.

KAJIAN RINTIS

Menurut Mohd Najib (1999), kajian rintis diadakan sebelum pentadbiran sebenar menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi yang hendak diuji.

Penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 10 sampel yang dipilih secara rawak. Sampel untuk kajian rintis ini adalah terdiri daripada pelatih – pelatih Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru.

Pekali kebolehpercayaan bagi kajian rintis ini diuji dengan menggunakan kaedah Alpha Cronbach. Kaedah Alpha Cronbach merupakan satu cara mengukur kebolehpercayaan soal selidik keatas satu ujian. (*Fraenkel*, 1990).

Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan mendapati bahawa nilai alpha yang diperolehi adalah 0.87.

ANALISIS DATA

Analisis Persoalan Kajian 2

Persoalan Kajian 2 : Apakah Tahap Kesedaran Pelatih – Pelatih Pusat Serenti Terhadap Kepentingan Latihan Kemahiran Vokasional Yang Dijalani Di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru Dalam Menentukan Masa Depan Mereka?

Merujuk kepada item 13 seramai 49 orang responden (61.3%) menyedari bahawa mereka percaya latihan kemahiran vokasional mampu membantu mereka meningkatkan keyakinan diri sendiri. Manakala seramai 26 orang responden (32.5%) menyatakan tidak pasti samaada sedar ataupun tidak sedar dengan pernyataan ini. Seramai 5 orang responden (6.3%) pula tidak sedar bahawa latihan kemahiran vokasional mampu membantu mereka meningkatkan keyakinan diri. Nilai min bagi item ini ialah 3.79 dan merupakan item yang mempunyai nilai terendah berbanding item lain dalam soalan kajian dua ini.

Hasil analisis bagi item 16 pula menunjukkan majoriti responden sedar dengan pernyataan pengalaman yang mereka perolehi semasa menjalani latihan kemahiran vokasional membantu mereka untuk hidup berdikari iaitu seramai 70 orang responden atau 87.6 peratus. Seramai 8 orang responden iaitu 10 peratus tidak pasti samaada mereka menyedari atau tidak menyedari bahawa latihan kemahiran vokasional mampu membantu mereka hidup berdikari. Manakala seramai 2 orang responden iaitu 2.6 peratus tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Nilai min bagi item ini adalah 4.22.

Berdasarkan item 17, seramai 73 orang responden (91.3%) menyedari bahawa pelbagai latihan kemahiran vokasional yang mereka pelajari di pusat serenti penting untuk mereka memulakan hidup baru selepas mereka keluar dari pusat serenti ini manakala seramai 2 orang responden (2.5%) tidak sedar dengan pernyataan ini. Terdapat 5 orang responden (6.3%) merasakan tidak pasti samaada latihan kemahiran vokasional yang mereka pelajari di sini penting untuk mereka memulakan hidup baru selepas mereka keluar dari pusat serenti ini. Nilai min bagi item ini adalah paling tinggi berbanding item lain dalam persoalan kajian kedua ini iaitu sebanyak 4.24.

Dapatan kajian untuk item 19 ialah sebanyak 69 orang responden iaitu 86.3 peratus menyatakan bahawa mereka sedar latihan kemahiran vokasional yang diajar di pusat serenti dapat membantu mereka untuk memulakan hidup baru. Sebanyak 10 orang responden iaitu 12.5 peratus tidak pasti dengan pernyataan ini manakala hanya seorang sahaja responden iaitu 1.3 peratus tidak sedar dengan kenyataan ini. Nilai min bagi item ini adalah berada pada tahap tinggi iaitu 4.20.

Analisis Persoalan Kajian 3

Persoalan Kajian 3 : Apakah Tahap Keyakinan Pelatih – Pelatih Pusat Serenti Terhadap Latihan Kemahiran Vokasional Yang Dijalani Di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru Untuk Diaplikasikan Selepas Tamat Tempoh Latihan?

Maklumat yang diperolehi daripada item 20 ialah seramai 76 orang responden iaitu 95.1 peratus menyatakan mereka yakin tahap kemahiran yang diperolehi di pusat serenti sesuai dengan peluang pekerjaan dalam industri. Terdapat hanya 4 orang responden atau 5 peratus sahaja yang tidak pasti terhadap tahap keyakinan mereka dengan pernyataan ini. Nilai min bagi item ini adalah yang paling tinggi berbanding item-item lain dalam soalan kajian ketiga ini iaitu 4.36.

Merujuk kepada item 21, seramai 49 orang responden (61.3%) yakin dapat menyara hidup dengan kemahiran yang diperolehi di pusat serenti. Manakala seramai 31 orang responden (38.8%) tidak pasti samaada mereka berasa yakin atau tidak dengan pernyataan ini. Tidak seorang pun daripada

responden yang tidak merasa yakin dengan pernyataan ini. Walaubagaimanapun, nilai min bagi item ini adalah 3.86 dan merupakan nilai min yang terendah bagi persoalan kajian ketiga ini.

Analisis item 24 menunjukkan seramai 68 orang responden iaitu 85.1 peratus yakin dengan pernyataan bahawa mereka mampu bersaing dengan pelajar lepasan pusat-pusat latihan kemahiran yang lain untuk mendapatkan pekerjaan. Ini menunjukkan mereka merasakan latihan kemahiran yang dijalani di pusat serenti adalah setaraf dengan pelajar lepasan pusat-pusat latihan kemahiran. Terdapat 12 orang responden iaitu 15 peratus tidak pasti samaada mereka mampu bersaing dengan pelajar lepasan pusat-pusat kemahiran atau tidak. Nilai min bagi item ini ialah 4.16.

Berdasarkan item 27, terdapat 69 orang responden (86.3%) yakin kemahiran yang mereka pelajari dapat menjamin masa depan mereka, 10 orang responden (12.5%) tidak pasti samaada kemahiran ini dapat menjamin masa depan mereka atau tidak manakala hanya seorang responden (1.3%) tidak yakin dengan pernyataan ini. Nilai min bagi item 27 ini ialah 4.21 dan berada di tahap tinggi.

Analisis Persoalan Kajian 4

Soalan Kajian 4 : Apakah Tahap Faktor Suasana Pembelajaran Seperti Kemudahan Peralatan, Tenaga Pengajar Dan Kaedah Pengajaran Mempengaruhi Prestasi Pelatih – Pelatih Pusat Serenti Terhadap Latihan Kemahiran Vokasional Yang Dijalani Di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru?

Hasil analisis bagi item 28 ialah sebanyak 66 orang responden (82.6%) merasakan bahawa mereka diberi masa yang cukup untuk menyiapkan sesuatu projek dengan baik, 10 orang responden (12.5%) tidak pasti dengan pernyataan ini dan 4 orang responden (5.0%) merasakan mereka tidak diberi masa yang cukup untuk membuat sesuatu projek. Nilai min bagi item ini berada di tahap yang tinggi iaitu 4.11. Namun begitu min item ini adalah terendah berbanding item-item yang lain dalam persoalan kajian terakhir ini.

Data yang diperolehi daripada analisis item 32 ialah sebanyak 73 orang responden iaitu 91.3 peratus menyatakan alat tangan yang pelbagai di dalam bengkel membantu mereka membuat kerja dengan cepat. Terdapat 5 orang responden iaitu 6.3 peratus tidak pasti dengan pernyataan ini manakala hanya 2 orang responden iaitu 2.5 peratus tidak merasakan bahawa alatan tangan yang pelbagai boleh membantu mereka menyiapkan kerja dengan cepat. Nilai min bagi item ini berada di tahap tinggi iaitu 4.30.

Merujuk kepada item 35, 74 orang responden (92.5%) menyatakan bahawa isi pelajaran di sampaikan dengan jelas oleh pengajar di pusat serenti ini. Ini menunjukkan majoriti daripada responden memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh tenaga pengajar di pusat serenti. Hanya terdapat 6 orang responden yang tidak pasti dengan pernyataan ini dan tiada seorang pun responden yang tidak memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh tenaga pengajar. Item ini mempunyai nilai min yang berada di tahap tinggi iaitu 4.38.

Berdasarkan kepada item terakhir soal selidik iaitu item 38, 78 orang responden atau 97.6 peratus merasakan bahawa tenaga pengajar di pusat serenti dapat membantu mereka pada bila-bila masa. Hanya terdapat seorang responden atau 1.3 peratus yang tidak merasakannya manakala seorang responden lagi atau 1.3 peratus yang tidak pasti jikalau tenaga pengajar di pusat serenti dapat membantu mereka pada bila-bila masa. Item ini mempunyai nilai min yang paling tinggi berbanding item-item yang lain dalam persoalan kajian ini iaitu 4.44.

KESIMPULAN

Daripada analisis data yang telah dilakukan oleh penyelidik, dapatlah disimpulkan bahawa pelatih-pelatih Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru mempunyai persepsi yang positif terhadap latihan kemahiran vokasional yang dipelajari di pusat serenti. Mereka percaya latihan kemahiran vokasional yang dipelajari dapat mendatangkan banyak manfaat kepada mereka kelak. Ini dapat dibuktikan dalam soal selidik yang telah dijawab oleh responden dimana setiap item menunjukkan nilai min yang tinggi.

Kesimpulan daripada soalan kajian satu, responden menunjukkan minat yang tinggi terhadap latihan kemahiran vokasional yang dijalankan. Mereka bercita-cita untuk menggunakan kemahiran yang dipelajari di pusat serenti untuk menyara kehidupan mereka setelah tamat latihan. Mereka juga berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang yang telah dipelajari.

Soalan kajian dua menunjukkan majoriti responden mempunyai kesedaran yang tinggi bahawa latihan kemahiran vokasional adalah penting dalam menentukan masa depan mereka. Mereka merasakan mereka boleh berdikari dengan kemahiran yang diperolehi. Oleh itu, mereka mengambil peluang di pusat serenti ini untuk mempelajari seberapa banyak kemahiran yang boleh.

Hasil daripada analisis yang dilakukan, dapatlah disimpulkan bahawa majoriti responden mempunyai keyakinan yang tinggi untuk mengaplikasikan latihan kemahiran vokasional apabila tamat latihan kelak. Ini dibuktikan dengan keyakinan responden untuk memulakan perniagaan sendiri. Responden juga yakin dapat menghasilkan kerja yang baik dengan kemahiran yang diperolehi apabila tamat latihan.

Secara kesimpulannya, soalan kajian empat mempunyai respon yang paling positif daripada responden. Mereka bersetuju bahawa pelbagai faktor suasana pembelajaran seperti kemudahan peralatan, tenaga pengajar dan kaedah pengajaran mempengaruhi prestasi mereka. Suasana pembelajaran yang selesa dapat memberikan mereka semangat untuk menghasilkan sesuatu produk yang baik.

Secara keseluruhannya, nilai min yang tinggi bagi setiap soalan kajian membuktikan bahawa pelatih-pelatih pusat serenti mempunyai persepsi yang baik terhadap program vokasional yang dijalankan di Pusat Serenti, Tampoi.

RUJUKAN

- Amina Noor. (2003). *Tip Menangani Masalah Dadah di Kalangan Remaja*, Kuala Lumpur : Al hidayah Publishers
- Azizi yahaya *et al.* (2006). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis, & Interpretasi Data*, Kuala Lumpur : PTS professional
- Banks, O. (1987). *Sosiologi pendidikan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Coleman, J Burcher, J.N. & Carson, R. (1980). *Abnormal psikologi and morden life*. New York. : Scott, Foresman and Company
- Dorn, N and South, N. (1985). *Helping drug users*, London : Gower Publishing Company Limited
- Hajah Noresah bt Baharom. (2007). *Kamus Dewan Edisi ke- 4*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

- Krejeie. R.V and Morgan (1970). *Determining sample size for research, Educational and Psychological Measurement*. London :
- Heineman Mahmood Nazar Mohamed *et al.* (2004). *Penggunaan strategi daya tindak di kalangan bekas penagih dadah*, Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mahmood Nazar Mohamed *et al.* (2006). *Mencegah,merawat dan memulihkan penagihan dadah beberapa pendekatan dan amalan di Malaysia*, Kuala Lumpur : Utusan Publication & distributors sdn bhd
- Stephens. R. C. (1987). *Mind-Altering Drugs: Use, Abuse and Treatment*, London : Sage Publications TPP.
- Mohd. Reduan aslie. (1990). *Krisis dadah*, Kuala Lumpur : AMK Interaksi Sdn. Bhd
- Tuckmen, W.B (1988). *Conducting Education Reasearch*. New York: Harcourt Jovanovick.